

## DAKWAH DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI PEMERKASAAN SPIRITUALITI

### DA'WAH AND HUMAN CAPITAL DEVELOPEMENT VIA SPIRITUAL EMPOWERMENT

\*<sup>i</sup>Ratna Roshida Ab Razak, <sup>ii</sup>Ahmad Nasir Mohd Yusoff, <sup>iii</sup>Aiza Maslan

<sup>ii</sup> Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti  
Putra Malaysia

<sup>iii</sup> Jabatan Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains  
Malaysia

\*Corresponding Author: email: ratna\_razak@upm.edu.my

### ABSTRAK

Membangunkan manusia atau disebut sebagai modal insan, merupakan proses yang berterusan dan melibatkan usaha daripada perlbagai pihak, khususnya para pendakwah. Makalah yang bersifat konseptual ini bertujuan untuk mengetengahkan dakwah ke arah kefahaman yang holistik mengenai pembangunan modal insan yang meliputi tiga aspek utama kejadian manusia iaitu fizikal intelektual dan spiritual. Pembangunan komponen spiritual merupakan asas dalam pembangunan manusia kerana di sinilah letaknya organ utama yang menjadi raja kepada seluruh anggota badan, iaitu hati; pada hatilah letaknya roh yang memberi makna, tujuan dan nilai sebuah kehidupan. Makalah ini menggunakan analisis deskriptif manakala, sumber data yang digunakan dalam kajian ini adalah sumber sekunder yang berkaitan dengan topik, khususnya dakwah dan spiritualiti yang meliputi makna, tujuan dan nilai hidup. Proses menganalisis data dilakukan dengan mengkaji, menganalisis dan membandingkan pelbagai sumber literatur serta mentafsirkan hasil analisis yang diperolehi. Dapatan yang dihasil menjelaskan bahawa peranan dakwah yang bermula dengan diri pendakwah itu sendiri melalui kefahaman yang jelas tentang peranan komponen spiritual yang disokong oleh komponen intelektual dan fizikal merupakan asas kepada kejayaan dalam membangunkan modal insan.

**Kata Kunci:** Dakwah, Pembangunan, Modal Insan, Spiritual, Hati

### ABSTRACT

*Human development also known as human capital is an ongoing process, involving efforts from various parties, especially the preachers. This conceptual paper aims to highlight the da'wah activity towards a holistic understanding of human himself that covers three main aspects of human events namely physical, intellectual, and spiritual. The development of the spiritual component is the foundation in human development because this is where the main organ, known as heart, is located. In the heart, lies the spirit that gives meaning, purpose, and the value of life. This paper uses descriptive analysis while, data sources used in this study are*

*secondary sources related to the topic, especially on preaching and spirituality that covers the meaning, purpose, and value of life. Data analyzing process is done by studying, analyzing, and comparing various literature and interpret the results of the analysis obtained. The findings explain that the role of preaching should be started with the preachers themselves. A clear understanding of the role of the spiritual component, supported by the intellectual and physical components, become the basis for success in developing human capital.*

**Keywords:** *Da'wah, Development, Human Capital, Spirituality, Heart*

## PENDAHULUAN

Makalah ini membincangkan bagaimana dakwah ke arah kefahaman yang holistik tentang pembangunan modal insan seharusnya bermula dengan aspek spiritualiti. Aspek spiritualiti ini berhubung kait rapat dengan komponen spiritual, iaitu satu daripada tiga komponen utama kejadian manusia; dua komponen yang lain ialah fizikal dan intelektual. Pembangunan komponen spiritual merupakan asas dalam pembangunan manusia kerana di sinilah letaknya organ utama yang menjadi raja kepada seluruh anggota badan, iaitu hati. Perkara ini seiring dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Sesungguhnya dalam diri manusia itu ada seketul daging. Sekiranya daging itu baik, maka baiklah seluruh anggota badannya. Namun, sekiranya daging tersebut rosak, maka rosaklah seluruh anggota badannya. Daging yang dimaksudkan adalah hati.”* (Hadis riwayat al-Bukhari, 52. 1993)

Usaha untuk menegakkan kebaikan dan mencegah kejahatan menjadi kewajiban bagi setiap Muslim kerana tanpanya legasi kebangkitan Rasulullah SAW sebagai pembawa rahmat ke sekalian alam tidak dapat diteruskan. Malahan, inilah titik tolak untuk sebuah pembangunan manusia. Pembangunan adalah sebuah proses kelangsungan hidup ke arah yang lebih baik (ihsan) dengan meletakkan akidah (iman) sebagai asas atau tapak yang dikawal oleh syariat (Islam), dan dihiasi oleh adab atau (akhlak).

Oleh hal yang demikian, setiap orang Islam sebenarnya adalah pendakwah yang bertanggungjawab untuk menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kejahatan. Seruan ini sudah tentu perlu bermula dengan diri sendiri. Meskipun akan ada yang melaksanakannya secara profesional, iaitu tugas hakiki atau professionnya sebagai pendakwah yang membuat seruan dakwah kepada orang ramai, ia tidaklah menafikan tugas setiap individu Muslim untuk turut sama bertanggungjawab dalam hal ini.

## METODOLOGI

Makalah ini menggunakan analisis deskriptif, manakala sumber data yang digunakan dalam kajian ini adalah sumber sekunder yang berkaitan dengan topik, khususnya dakwah dan spiritualiti. Proses menganalisis data dilakukan dengan mengkaji, menganalisis serta membandingkan pelbagai sumber literatur dan mentafsirkan hasil analisis yang diperolehi.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### i. Apa dan Siapa?

Dalam konteks kehidupan bermasyarakat, Islam menetapkan perlunya ada kelompok yang berperanan melaksanakan seruan ke arah kebaikan dan mencengah keburukan, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran ayat 104 yang bermaksud: *“Hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (menyuruh berbuat segala perkara yang baik) serta melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji). Mereka yang bersifat demikian itulah orang yang berjaya.”*

Walau bagaimanapun, dakwah secara takrifan harian atau pengertian yang biasa difahami dalam masyarakat kita boleh dilihat sebagai satu kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas setiap Muslim untuk menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kejahatan, sebagaimana hadis daripada Abdullah Ibnu Amr bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, *“Sampaikanlah dariku walaupun satu ayat.”* (Riwayat al-Bukhari, 3274. 1993)

Meskipun pada awalnya, tugas dakwah merupakan tugas para Rasul, dan perintah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang merupakan pendakwah pertama semenjak wahyu pertama diturunkan, namun setelah Rasulullah SAW wafat, umat Islam selaku umat Baginda SAW perlu memikul peranan ini. Ini bersesuaian dengan firman-firman Allah SWT yang ditujukan kepada Rasulullah SAW agar Baginda SAW melaksanakan dakwah secara berterusan. Contohnya firman Allah SWT dalam surah Al-Hajj ayat 67, yang bermaksud: *“...Dan serulah (wahai Muhammad) umat Islam kepada agama Tuhanmu kerana sesungguhnya engkau berada di atas petunjuk yang lurus.”*

Berdasarkan ayat-ayat ini, jelaslah bahawa tugas dakwah boleh dibahagikan kepada tiga domain iaitu, pertama, seruan ke arah kebaikan merupakan tanggungjawab bagi setiap orang Muslim; kedua, menyuruh kepada kebaikan iaitu dengan menggunakan kuasa atau

pengaruh yang ada pada kita, dan yang ketiga ialah melarang atau mencegah daripada melakukan segala kemungkarannya yang dilarang oleh Allah SWT (Fethullah, 2011).

Ketiga-tiga domain dakwah ini perlu dilaksanakan secara bersama demi untuk kesejahteraan dan kemuliaan masyarakat Islam kekal dalam kepatuhan kepada perintah Allah SWT, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Fussilat ayat 33 yang bermaksud: *“Tidak ada seorang pun yang lebih baik perkataannya daripada seorang yang menyeru kepada (mengesak dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh sambil berkata, ‘Sesungguhnya aku tergolong dalam kalangan orang Islam (yang patuh kepada Allah).’”*

Bagi memastikan keberkesanan seruan dakwah, khususnya di era perkembangan teknologi komunikasi yang sangat pesat ini, makna, tujuan dan nilai sebagai pendakwah perlu terlebih dahulu dihayati kerana inilah roh yang menghidupkan seseorang untuk berperanan sebagai pendakwah, penasihat atau pemberi peringatan. Hal ini penting bagi memastikan kesungguhan dan keghairahan pendakwah untuk menyeru ke arah melakukan kebaikan dan mencegah sebarang kejahatan melalui pengucapan, sikap dan peringatan yang disampaikan berada di atas landasan tugas atau profesionnya.

Pendakwah juga adalah pemimpin masyarakat apabila mereka memimpin masyarakat untuk melakukan kebaikan dan menghidari dari melakukan perkara yang ditegah dalam Islam. Inilah antara modal insan, iaitu pendakwah yang menjadi keperluan terdesak dalam kehidupan di alaf 21, di era Revolusi Industri 4.0 ini.

## **ii. Makna Modal Insan**

Perkataan modal mengikut Kamus Dewan edisi ke-4 bermaksud, “sesuatu yang digunakan untuk mendapat atau mencapai sesuatu yang lain”. Modal ini juga bermaksud idea atau buah fikiran. Meskipun istilah ‘modal insan’ yang mula diperkenalkan oleh Adam Smith pada tahun 1776 dan pertama kali dibahaskan oleh Pigou pada 1928, berkisar kepada aspek ekonomi, namun makna dan istilah tersebut, dalam konteks perbincangan ini, membawa maksud keupayaan individu untuk memaksimumkan potensi diri mereka yang terdiri daripada tiga elemen penting yang disebut awal tadi, iaitu fizikal, spiritual dan intelektual atau mental.

Keupayaan menggunakan sumber yang ada pada manusia seperti kebijaksanaan, kemahiran atau kepakaran dan juga pengalaman yang diasaskan dengan nilai-nilai kemanusiaan untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik untuk dirinya dan juga untuk orang lain,

inilah yang merupakan modal yang perlu digunakan. Dalam usaha melahirkan individu Muslim yang memiliki kualiti yang baik, keupayaan yang tinggi melalui modal insan yang sedia ada, iaitu tiga elemen disebutkan di atas, perlu sentiasa disuburkan dan diperkasakan. Ketiga-tiga elemen tersebut saling berkait antara satu sama lain iaitu jasmani atau fizikal, jiwa atau rohani atau spiritual, dan minda atau intelektual. Dalam Islam nilai-nilai kerohanian atau spiritual inilah yang akan memandu manusia dalam setiap aktiviti dan tindakannya kerana di sinilah tempat lahirnya nilai. Nilai merupakan prinsip asas yang menentukan tindakan atau perbuatannya, serta menjadi garis panduan dalam mengawal tindakannya (Sai'd Hawwa, 2012).

Sebagai usaha untuk memperkasakan modal insan, seruan dakwah ke arah mengguna dan mengoptimumkan keupayaan yang ada pada diri seseorang adalah suatu yang penting. Ayat al-Quran yang pertama diturunkan iaitu "*Iqra'*", jelas menunjukkan bahawa setiap sesuatu bermula dengan ilmu yang diperolehi dari pembacaan, kerana itulah jalan untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan. Dengan ilmu dan pengetahuan inilah manusia membangunkan fitrah insan yang ada padanya. Maka, seruan dakwah yang dilakukan perlulah ada prinsip untuk mengemas kini diri dengan pengetahuan sebelum pengetahuan itu dikongsi dengan orang lain atau disebut sebagai *mad'u*.

Syed Naquib al-Attas apabila membicarakan persoalan modal insan menjelaskan tentang tiga masalah besar yang melanda umat Islam hari ini, iaitu kekeliruan terhadap konsep ilmu yang sebenarnya, kehilangan adab dalam bersosial dan kemunculan pemimpin yang tidak layak untuk memimpin kerana tidak memiliki ketinggian akhlak mahupun tahap intelektual.

Jika diteliti masalah kedua dan ketiga, jelas kepada kita bahawa perihal manusia dan kemanusiaan merupakan salah satu masalah besar yang dihadapi oleh umat Islam hari ini, khususnya di Malaysia. Maka, hal ini perlu dikenal pasti dan ditangani terlebih dahulu agar umat Islam tidak terus dianggap sebagai 'liabiliti' kepada kelompok manusia di muka bumi ini. Untuk menjelaskan hal ini, kefahaman tentang komponen spiritual perlu terus didalami (Wan Mohd. Nor, 2020).

Pembangunan modal insan perlu bergerak serentak di semua peringkat, sama ada di peringkat sekolah, di institusi pengajian tinggi mahupun di tempat kerja. Untuk memastikan semua perkara ini tercapai, komponen spiritual atau jiwa yang merupakan elemen penting dalam kejadian manusia perlu sentiasa sihat, sejahtera dan berada dalam keadaan penuh kedamaian kerana di sinilah bermulanya pembangunan manusia, iaitu satu perubahan dari

keadaan yang kurang baik kepada yang baik, dan yang baik kepada yang lebih baik, atau tepatnya diistilahkan sebagai ‘human transformation’. Firman Allah dalam aurah Al-Ra’d ayat 11 yang bermaksud: “...*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka. ...*”

Mesej penting dari ayat ini ialah agar manusia mengadakan perubahan sikap melalui pembangunan komponen spiritual, dan pembangunan minda melalui komponen intelektual. Usaha ini penting untuk mencapai kemajuan, lebih-lebih lagi pada zaman dua revolusi yang berlaku serentak kini, iaitu revolusi teknologi dan revolusi dalam konteks hubungan antarabangsa, atau diistilahkan sebagai globalisasi.

### iii. Apakah Makna Spiritualiti atau Kerohanian?

Komponen spiritual yang menempatkan organ hati dan roh ini berada dalam jiwa atau “*nafs*”. Huraian secara detil banyak dibuat oleh tokoh moralis Islam seperti al-Ghazali (1976), Miskawayh (1966), al-Tusi (1964) dan lain-lain (Mohd. Nasir Omar, 2016). Apa yang menjadi penekanan utama dalam aspek ini ialah jiwa atau komponen spiritual yang menempatkan organ hati yang bersifat metafizik. Pada hati inilah letaknya roh – sesuatu yang diciptakan oleh Allah SWT, sebagaimana firman-nya dalam surah Sad ayat 72 yang bermaksud: “*Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh daripada (ciptaan-)Ku...*”

Komponen spiritual atau disebut sebagai jiwa atau *nafs*; dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai “spirit” –berasal dari perkataan Latin, “spiritus”. Jiwa atau *nafs* atau “spirit” ini bermaksud nafas kehidupan yang menempatkan hati atau disebut sebagai *qalb* dalam bahasa Arab. Di hati atau *qalb* inilah letaknya roh (soul). Roh merupakan kekuatan yang tidak dapat dilihat tetapi berfungsi untuk menghidupkan kehidupan, membesarkan dan memberi tenaga kepada setiap eorang melalui hati yang sentiasa bekerjasama dengan akal, yang disebut sebagai *lubb* (Fethullah, 2011).


Hati dan akal akan meneliti pengajaran atau *ibrah* setiap perkara. Hati yang baik (saleem) dan akal yang sempurna adalah penting untuk merasai keindahan dalam apa jua situasi. Peranan hati yang sentiasa berkolaborasi dengan akal dapat dilihat apabila terhasilnya kebaikan atau nilai murni yang dizahirkan melalui adab, iaitu kesantunan dan kesusilaan yang sekali gus memperlihatkan nilai kemanusiaan yang tinggi, iaitu budi (virtues). Proses penzahiran adab yang berterusan disebut sebagai akhlak, moral atau etika. Sehubungan dengan perkara ini – tidak kira dalam era mana sekali pun – seandainya komponen spiritual sentiasa

dijaga dan disuburkan, sudah pasti setiap individu akan sentiasa berada dalam keadaan sejahtera, yang dizahirkan melalui adab dan akhlaknya.

Tugas untuk menjaga dan membangunkan jiwa ini terletak pada setiap individu. Dengan kata lain, setiap insan perlu membangunkan serta memastikan bahawa jiwanya kekal berada dalam keadaan yang sihat; jiwa yang sihat adalah asas kepada diri yang sihat. Individu yang sihat adalah asas kepada masyarakat yang sihat. Individu yang sihat akan mampu menyelesaikan misi kehidupan yang telah diamanahkan kepadanya.

Tiga kesepaduan komponen manusia iaitu spiritual (roh), intelektual (akal) dan fizikal (jasad) sekali gus meletakkan dua tanggungjawab utama kepada setiap manusia, iaitu tanggungjawab sebagai hamba kepada Tuhannya, dan sebagai pentadbir atau khalifah yang memastikan kesejahteraan kepada alam yang didiaminya, yang disediakan oleh Tuhan untuk menyokong kehidupan manusia. Keadaan ini menjelaskan bahawa tujuan kehidupan manusia berjalan di atas dua hubungan: satu yang bersifat vertikal, iaitu untuk menghambakan diri kepada Allah SWT melalui amal ibadah, sama ada yang bersifat khusus atau bersifat umum. Ini dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Dharyat ayat 56 yang bermaksud: *“(Ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”*

Hubungan yang kedua lebih bersifat horizontal iaitu hubungan dengan manusi dan alam. Ini sesuai dengan peranan yang dinyatakan dalam firman Allah S.W.T. dalam surah AL-Baqarah ayat 30 yang bermaksud: *“Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika tuhanmu berfirman kepada para malaikat, ‘Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi...’*. Ayat ini menjelaskan bahawa manusia telah dicipta untuk mentadbir alam ini, sesuai dengan peranannya sebagai pentadbir atau khalifah Allah di muka bumi ini, sesuai dengan peranannya sebagai pentadbir atau khalifah Allah dimuka bumi ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kehidupan atau usia manusia bukan sekadar untuk memenuhi ruang atau menghabiskan tempoh kehidupan, tetapi ada matlamat, tujuan atau misi yang khusus lagi mulia iaitu usaha untuk menegakkan kebaikan dan mencegah kejahatan.



**Rajah 1: Hubungan Penciptaan Manusia**

Seruan atau dakwah seharusnya bermula kepada diri kita sendiri, iaitu dari kita dan untuk kita. Dalam hal ini, setiap kita adalah pendakwah, seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Sampaikan daripadaku walau sepotong ayat*”. Seruan dakwah tidak boleh lagi dikhususkan kepada individu tertentu sahaja, walaupun mereka yang berperanan sebagai pendakwah secara professional, khususnya melalui bidang tugasnya.

Untuk memahami makna spiritualiti dengan lebih mendalam, kejadian manusia yang terdiri daripada tiga komponen perlu terlebih dahulu difahami. Bagi komponen fizikal, penjagaan lebih tertumpu kepada organ-organ fizikal sama ada di bahagian luaran badan atau bahagian dalaman. Bagi komponen intelektual, organ yang terlibat ialah otak yang bersifat fizikal. Fungsi otak sangat berkait dengan komponen metafizik iaitu akal atau minda yang memungkinkan akal untuk berfungsi. Organ ini boleh disejahterakan melalui ‘pemakanan’ yang betul, iaitu ilmu. Dengan ilmu dan pengetahuan, seseorang mencapai kedudukan yang akrab dengan Allah SWT, khususnya melalui proses penyucian diri, iaitu dengan membersihkan diri daripada keburukan akhlak dan menggantikannya dengan kebaikan; ini bermula dengan pencarian ilmu yang berterusan.



Bagi komponen spiritual – spritualiti membawa maksud pemilikan makna, tujuan dan nilai hidup. Pengertian golongan sufisme dianggap tepat untuk menjelaskannya – iaitu untuk memberi makna, tujuan dan nilai hidup, pastinya pengalaman hidup perlu lebih memfokuskan kepada komponen spiritual yang ada padanya organ hati, dan pada hati ini ada roh (*soul*). Pengalaman hidup juga menekankan hubungan antara diri sendiri, dengan Tuhan, orang lain dan alam. Demi memastikan organ hati, yang bersifat metafizik ini dapat berfungsi secara optimum, proses penyucian atau disebut sebagai

“*purification of soul*” perlu sering dilakukan melalui proses *takhalli* iaitu pembebasan diri daripada penyakit-penyakit batin. Ini diteruskan dengan *tahalli* iaitu menghiasi dan mengisi hati dengan sifat-sifat terpuji, dan akhirnya *tajalli* iaitu sentiasa merasakan kebesaran dan kehebatan Allah SWT.

Hati yang bersih akan melahirkan ihsan. Ihsan ialah suatu keadaan di mana seseorang merasakan dirinya memerhatikan Tuhannya, dan sekiranya dia tidak memerhatikan Tuhannya, dia tahu Tuhannya sedang memerhatikannya. Ini seiring dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA sewaktu malaikat Jibril bersoal jawab dengan Rasulullah SAW tentang apakah ihsan. Baginda SAW menjawab: “*Bahawa kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya; dan jika kamu tidak melihat-Nya, akan tetapi Allah melihat kamu.*” (Hadith riwayat al-Bukhari, 4499. 1993)

Nilai ihsan terbit daripada hati yang sihat. Oleh sebab itu, pembentukan akhlak menduduki tempat yang amat penting dalam ajaran Islam. Ini bertepatan dengan pandangan tokoh pengkaji dalam bidang akhlak yang menyatakan bahawa akhlak atau etika atau adab dalam kehidupan menduduki tempat yang terpenting dalam ajaran Islam (Mohd Nasir Omar, 2016), justeru, kedatangan Rasulullah SAW adalah bertujuan untuk menyempurnakan akhlak manusia. Dengan adanya ihsan, akan lahir nilai-nilai murni; nilai-nilai murni yang diterapkan dalam setiap tindakan dan perbuatan akan menghasilkan tindakan dan perbuatan yang berakhlak, beretika dan beradab. Meskipun penggunaan perkataan akhlak, adab, etika dan perangai mempunyai maksud yang tersendiri daripada segi etimologi, dalam makalah ini, penggunaannya adalah mengikut takrifan harian iaitu apa jua perbuatan yang diasaskan dengan nilai-nilai yang murni.

Komponen spiritual ini sangat signifikan dalam melahirkan nilai-nilai murni melalui hati. Hati yang tidak sihat akan melahirkan perasaan seperti tamak, dengki, fanatik, hasad, angkuh, riyak dan sebagainya. Sifat-sifat ini (disebut sebagai ‘vices’ dalam bahasa Inggeris) dizahirkan

melalui akhlak *mazmumah* (keji); inilah yang kelak menyumbang kepada kebinasaan individu dan masyarakat. Lihatlah contoh yang sedang kita hadapi, nilai integriti seperti jujur dan amanah sudah hilang dan diganti dengan sifat tamak, haloba – tidak pernah merasa cukup dengan apa yang ada; inilah yang menjadikan individu terjebak dengan gejala rasuah dan pecah amanah.

#### **iv. Mengapa Spiritualiti atau Kerohanian ini Penting?**

Spiritualiti dianggap sebagai satu kecerdasan dan kemahiran, atau kebolehan untuk berhubung dengan diri sendiri, dengan Tuhan, dengan manusia dan dengan alam dalam usaha untuk memberi makna, tujuan dan nilai hidup. Pengertian ini seiring dengan apa yang dijelaskan oleh Tony Buzan dalam bukunya yang bertajuk “The Power of Spiritual Intelligence”: *“When you are spiritually intelligent, you become more aware of the big picture, for yourself and the universe, and your place and purpose in it. Spiritual intelligence is considered by many to be the most of all our intelligence and has the power to transform your life, civilization, the planet and the course of history.”*

Spiritualiti memungkinkan seseorang untuk memahami hakikat atau kebenaran, khususnya berkaitan dengan kehidupan yang dijalani. Ia memberi suatu kefahaman tentang hakikat kehidupan, justeru membantunya untuk membezakan kehidupan yang bersifat kebendaan dengan kehidupan yang berasaskan ketuhanan. Spritualiti melalui komponen spiritual juga merupakan ‘daerah’, ‘landasan’ atau ruang penghasilan kepada akhlak atau etika. Spiritualiti memberi kekuatan dalaman untuk terus kental dan tabah menghadapi apa jua ujian kehidupan, contohnya, ujian ketika pandemik COVID19 yang melanda seluruh masyarakat dunia kini.

Spiritualiti mempunyai perkaitan yang rapat dengan hubungan yang kita miliki, bermula dengan hubungan dengan diri sendiri – mengetahui keperluan untuk menyayangi diri sendiri, memiliki keyakinan dan harga diri (self-esteem) yang tinggi. Melalui hubungan dengan Tuhan, seseorang akan berusaha untuk menjalinkan hubungan yang akrab dengan Penciptanya, dan menjadikan keakraban dengan Tuhan sebagai cita-citanya sepanjang hayat.

Keakraban hubungan dengan Tuhan memberikan satu ‘kuasa’ yang dapat membantu mengembangkan akhlak, adab dan etika dalam setiap aspek kehidupan pada setiap ketika. Hubungan dengan Tuhan secara khusus dilakukan melalui penzahiran nilai kehambaan dengan melaksanakan rukun Islam yang lima, bermula dengan kalimah Syahadah, solat, puasa, zakat dan haji. Hal ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan pandangan ulama tasawuf, Imam

Junaid al-Baghdadi, yang menjelaskan bahawa ketinggian dan kemuliaan akhlak Rasulullah SAW memperlihatkan bahawa hanya Allah SWT yang ada dalam hati Baginda SAW.

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa seseorang yang hatinya sentiasa mengingati Allah SWT akan menzahirkan ingatan tersebut melalui akhlak atau keperibadian yang mulia. Inilah yang dimaksudkan dengan tasawuf iaitu akhlak – sesiapa yang semakin baik akhlaknya maka, semakin meningkatlah kesufiannya. Kefahaman tasawuf yang agak eksklusif pada dimensi spiritualiti atau kerohanian Islam perlu diberi penjelasan yang lebih terperinci sebagaimana Islam itu sendiri perlu difahami, dan dihayati secara bersepadu. Tasawuf mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan iman dan tidak terbatas dengan wacana intelektual semata-mata, tetapi seharusnya berdimensi dengan *dhawqiyy*, cita rasa dan pengalaman rohani yang bersifat peribadi (Said Hawwa, 2010).

Dengan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat, sama ada masalah alam sekitar, sosial, politik dan ekonomi, manusia perlu mencari jalan penyelesaiannya, iaitu kembali kepada komponen utama kejadian manusia yang menyumbang kepada kewujudan akhlak, etika dan adab iaitu komponen spiritual (Fethullah Gulen, 2011).

Kegagalan menyelesaikan perkara pokok yang menyumbang kepada masalah yang dihadapi akan terus melestarikan masalah tersebut. Meskipun pada pandangan manusia, usaha atau penawar telah dibuat, tetapi ternyata usaha atau penawar tersebut bukan yang sebenar atau bertepatan untuk mengatasi masalah, justeru tidak memenuhi keperluan komponen tersebut.

#### **v. Bagaimana Kefahaman Spiritualiti Boleh Disampaikan?**

Supaya seruan dakwah dapat membangunkan individu Muslim, atau modal insan, melalui pemeraksanaan spiritualiti berjaya dilaksanakan, tiga dimensi transformasi perlu dihayati oleh diri individu, khususnya melalui peranan dakwah yang dimilikinya (Fethullah Gulen, 2014).

Dimensi yang pertama ialah dimensi psikologi (perubahan dalam pemahaman tentang diri). Dalam dimensi ini, terlebih dahulu pada individu tersebut (yang juga merupakan pendakwah), perlu ada perasaan ghairah (passionate) untuk memahami dengan lebih mendalam dan mempraktikkan dalam kehidupan. Dengan kata lain, pendakwah terlebih dahulu perlu memiliki kefahaman tersebut sebelum berupaya menyampaikan kepada orang lain. Apa yang akan disampaikan perlulah seiring dengan apa yang ada dalam hati pendakwah tersebut (Abdul Karim Zaidan, 2002).

Dimensi yang kedua ialah dimensi *convictional* (semakan sistem kepercayaan). Dalam dimensi ini, penentuan matlamat hidup perlu berbalik kepada dua tujuan utama mengapa manusia ini diwujudkan. Dengan berada di atas landasan yang betul, setiap usaha yang dilakukan mampu membawa kita ke matlamat akhir. Dimensi yang ketiga ialah tingkah laku dan perubahan dalam gaya hidup. Gaya hidup atau *life style* perlu dipastikan keseimbangannya, begitu juga dengan hubungan yang dijalinan.

Sebagai pendakwah, proses menuntut ilmu secara berterusan merupakan satu keperluan. Belajar untuk memahami inti pati ajaran agama dengan lebih baik, adalah antara satu usaha yang berterusan, begitu juga dengan mengamalkan gaya hidup, zuhud, bersungguh-sungguh (mujahadah) dalam setiap aspek kehidupan, berusaha untuk mendekatkan diri (muraqabah) kepada Allah SWT dan penuh rasa syukur. Kesemua langkah ini perlu bergerak atas landasan hubungannya dengan diri sendiri dan hubungan dengan Allah SWT. Dalam menjalinan hubungan dengan Allah SWT, nilai utama yang perlu ada ialah sifat takwa, *khauf*, *raja'* dan sabar.

Dalam menjalinan hubungan dengan sesama manusia, perasaan kasih sayang, hormat dan empati perlu menjadi prinsipnya kerana nilai-nilai ini sangat mempengaruhi kesihatan peribadi seseorang sama ada ketika berseorangan atau bermasyarakat. Hubungan dengan alam sekitar juga merupakan antara hubungan yang perlu diambil berat kerana ia juga membantu untuk meningkatkan kesihatan spiritual; umpamanya, hati akan menjadi tenang dan damai walaupun hanya beberapa minit dengan melihat burung, pohon-pohon yang bergoyang ditiup angin, atau ombak yang menghempas pantai; justeru, unsur alam seperti flora dan fauna, pasti akan memberi kedamaian kepada hati manusia.

## KESIMPULAN

Sebagai usaha untuk meningkatkan seruan ke arah pembangunan modal insan melalui pemerksaan spiritualiti, perlu diramaikan lagi pendakwah yang menyeru kepada menjalani kehidupan bertuhan. Gaya hidup yang menuju kepada Tuhan adalah satu daya penggerak ke arah sebuah kehidupan yang bermakna, bertujuan serta bernilai. Begitulah, istilah pembangunan modal insan perlu difahami secara mendalam, iaitu keadaan di mana insan itu memperkasakan secara seimbang ketiga-tiga komponen kejadiaannya yang meliputi intelektual atau minda, fizikal atau jasmani, dan spiritual atau rohani. Dalam konteks kehidupan masa kini, istilah dakwah perlu diperluas agar ia terus kekal relevan dalam dunia yang dilanda kecanggihan teknologi komunikasi. Seruan dakwah harus bermula dengan diri sendiri,

terutamanya untuk mendidik komponen spiritual kerana dalam diri seseorang itu letaknya hati; pada hati letaknya roh. Keberhasilan utama daripada komponen spiritual ialah lahirnya nilai ihsan; ihsan membentuk akhlak yang didambakan dalam kehidupan, khususnya yang melibatkan hubungan antara diri sendiri, dengan Tuhan, dengan orang lain, dan dengan alam sekitar. Inilah yang menjadi makna kepada penzahiran Islam dan iman yang sebenar.

### PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPT untuk pemberian dana melalui Geran FRGS dengan nombor rujukan, FRGS/1/2021/SSI0/UPM/02/1. Makalah ini merupakan salah satu penerbitan yang dihasilkan dalam proses melengkapkan kajian asal melalui geran ini.

### RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail. (1993). *Sahih Al-Bukhari*. Dar Ibnu Kathir.

A Hasyim. 1974. *Dustur Dakwah Menurut al-Quran*. Penerbit Bulan Bintang.

A. Hassan 2001. *Komunikasi untuk Bakal Pendakwah; Panduan Mengubah Sikap dan Tingkah Laku Orang Lain*. PTS Publication & Distributots Sdn. Bhd.

Abdul Karim. Z. 2002y. *Islam dan Dakwah*. Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Bahri M.G. 1997. *Dakwah Komunikatif Membangun Kerangka Dasar Ilmu Komunikasi Dakwah*. Pedoman Ilmu Jaya.

Essence, V. 2005. *How are your brain and heart connected to God?* The share Foundation Heart–Brain Project. [Retrieved from [www.sharefoundationnetwork.com/heartbrain.htm](http://www.sharefoundationnetwork.com/heartbrain.htm).on the 24 August 2019.

Fethullah G. 2011. *Dakwah Jalan Terbaik dalam Berpikir dan Menyikapi Hidup*. Penerbit Republika.

Fethullah G. 2014. *Tasawuf Untuk Kita Semua: Menapaki Bukit – Bukit Zamrud Kalbu Melalui Istilah- Istilah dalam Pratik Sufisme*. Penerbit Republika.

Mohd Nasir O. 2016. *Akhlak dan Pembangunan Insan: Pendekatan Falsafah*. Penerbit UKM.

Sai'd Hawwa. 2012. *Pendidikan Spiritual: Rujukan Lengkap Trabiyah Ruhiah Menggapai Cinta Ilahi*. Mutiara Ilmu Selekt.

Seyyed Hosein. N. 1989. *Knowledge and the Sacred*. State University of New York Press.

Tony B. 2014. *The Power Of Spiritual Intelligence*. HarperCollins Publishers.

Wan Mohd Nor W.D. 2020. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam, Syed M. Naquib Al Atas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Penerbit Universiti Malaya.